



## LAPORAN PENGANJURAN

# *Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut dan Pesisiran Pantai Tahun 2024 dan Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024*

**25 – 26 JULAI 2024  
KUCHING, SARAWAK**

*Anjuran:*



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM



<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
1.0 PENGENALAN	3
2.0 OBJEKTIF PENGANJURAN	3
3.0 ATURCARA PROGRAM	4
4.0 AHLI JAWATANKUASA	8
5.0 PENGANJURAN SEMINAR DAN SAMBUTAN	8
6.0 PENYERTAAN KE SEMINAR DAN SAMBUTAN	11
7.0 PUBLISITI DAN HEBAHAN SERANTAU	11
8.0 KOS PENGANJURAN	12
9.0 PENUTUP	13
10.0 LAPORAN OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN SAINTIFIK	14
11.0 LAPORAN OLEH JAWATANKUASA MEDIA	15
12.0 SENARAI KEHADIRAN SAMBUTAN HPL 2024	16
13.0 LAMPIRAN 1: TEKS UCAPTAMA KSU, NRES	17
14.0 LAMPIRAN 2: TEKS UCAPAN PERASMIAN SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024	18
15.0 LAMPIRAN 3: BUKU SEMINAR KEBANGSAAN HUTAN PAYA LAUT DAN PESISIRAN PANTAI 2024	19
16.0 LAMPIRAN 4: BUKU SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024	19
17.0 LAPORAN BERGAMBAR	20



## 1.0 PENGENALAN

Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa yang disambut tanggal 26 Julai pada setiap tahun merupakan hari untuk mengingati betapa pentingnya untuk memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut termasuklah kawasan pesisiran pantai bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat. Sambutan ini telah diisytiharkan semasa Persidangan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) Sesi Ke 38 pada 6 November 2015 di Paris.

Malaysia melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sentiasa menunjukkan komitmen terhadap kepentingan kesedaran konservasi ekosistem melalui penganjuran Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan sejak tahun 2016 sehingga kini. Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan telah disambut buat pertama kalinya pada 18 Ogos 2016 di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak.

Pada tahun 2024, penganjuran sambutan pada kali ini dilaksanakan dengan mengadakan Seminar Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut 2024 sebagai memberi sokongan dan komitmen jabatan ini dalam memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan paya laut terus terpelihara. Penganjuran seminar adalah sebagai platform untuk pembentangan hasil-hasil kajian serta penemuan lain yang berasaskan hutan paya laut oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuklah agensi kerajaan dan komuniti serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Bertemakan "Sayangi Hutan Paya Laut", penganjuran sambutan pada tahun ini dilihat sangat bertepatan dengan konsep Malaysia Madani yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2023. Konsep yang diterapkan menggambarkan gabungan nilai kesejahteraan yang sangat komprehensif merangkumi aspek ekonomi, sosial dan kelestarian alam selari dengan usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk terus memelihara dan memulihara hutan paya laut di Malaysia.

## 2.0 OBJEKTIF UTAMA PENGANJURAN

Objektif utama penganjuran seminar dan sambutan adalah untuk:

- i. Menyampaikan input-input terkini kajian mengenai Hutan Paya Laut;
- ii. Meningkatkan tahap kesedaran semua peringkat lapisan masyarakat dalam usaha untuk mengukuhkan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan paya laut serta pembangunan secara berkekalan untuk dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan akan datang; dan



- iii. Mengeratkan kerjasama di kalangan jabatan / agensi atau kerajaan, institusi-institusi tempatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Hutan Paya Laut Negara.

### 3.0 ATUR CARA PROGRAM

#### (i) Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut Dan Pesisiran Pantai Tahun 2024

**Tarikh** : 25 Julai 2024 (Khamis)  
**Tempat** : Hotel Hilton Kuching, Sarawak

#### **UCAPTAMA**

8.00 pagi : Pendaftaran peserta  
8.30 pagi : Ucap tama oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

#### **SESI 1: PENGURUSAN DAN R&D HUTAN PAYA LAUT DI MALAYSIA**

**Pengerusi Sesi: YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid  
(Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia)**

8.50 pagi : Pengurusan Hutan Paya Laut di Semenanjung Malaysia: Isu, Cabaran dan Hala Tuju  
**Cik Nora Azlina binti Musa @ Ab Ghani  
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia**

9.10 pagi : Pengurusan Hutan Paya Laut di Sarawak: Isu, Cabaran dan Hala Tuju  
**Cik Zarina binti Haji Shebli  
Jabatan Hutan Sarawak**

9.30 pagi : Pengurusan Hutan Paya Laut di Sabah: Isu, Cabaran dan Hala Tuju  
**Dr Joseph Tengah  
Jabatan Perhutanan Sabah**

9.50 pagi : Penyelidikan Ke Arah Membantu Pengurusan, Pemantauan dan Pemeliharaan Hutan Paya Laut di Malaysia  
**Dr Wan Mohd Shukri bin Wan Ahmad  
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**

10.10 pagi : Sesi Soal Jawab  
10.30 pagi : Minum Pagi



## SESI 2: EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT

**Pengerusi Sesi: Dr. Joseph Tengah**  
**Jabatan Perhutanan Sabah**

- 11.00 pagi : *Status of Mangroves in Malaysia*  
**Dr. Hamdan bin Omar**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- 11.20 pagi : Pengaruh Hutan Paya Laut Terhadap Indeks Kerapuhan Pantai  
**Encik Zaifulzahri bin Kamde**  
**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)**
- 11.40 pagi : Kajian Biologi dan Ekologi Serta Potensi Germplasma Warisan Hutan Bakau Bagan Datuk, Perak Sebagai Destinasi Pelancongan Kelip-Kelip  
**Dr. Phon Chooi Khim**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- 12.00 t/hari : *Bird Community Comparison Indicator from Different Aged Mangrove Rehabilitation Sites in Peninsular Malaysia*  
**Cik See Chon Min**  
**Malaysian Nature Society (MNS)**
- 12.20 t/hari : Sesi Soal Jawab
- 12.40 t/hari : Makan Tengah Hari

## SESI 3: TEKNOLOGI DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN HUTAN PAYA LAUT

**Pengerusi Sesi: Dr Wan Mohd Shukri bin Wan Ahmad**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**

- 2.00 petang : Penggunaan Imej Satelit Dalam Menentukan Kawasan Penanaman Spesies Sesuai di Pesisiran Pantai  
**Gs. Mohd Fairus bin Fuazi**  
**Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)**
- 2.20 petang : *Application of Coastal Block for Mangrove Rehabilitation*  
**Ir. Arman bin Mokhtar**  
**Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)**



- 2.40 petang : *Threatened Guardians: The Effect of Rising Oceans on Mangroves*  
**Ts. Gs. Anizawati binti Ahmad**  
**Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)**
- 3.00 petang : *Drag Coefficient of Mangrove Aerial Root with Viscoelastic Bedding*  
**Encik Mohd Rizuwan bin Mamat**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- 3.20 petang : Sesi Soal Jawab

#### **SESI 4: SOSIO-EKONOMI BERASASKAN HUTAN PAYA LAUT**

- Pengerusi Sesi: Puan Hajah Mohizah binti Haji Mohamad**  
**Jabatan Hutan Sarawak**
- 3.45 petang : Hutan Paya Bakau Delta Kelantan (HPBDK): Sumber Ekonomi Nelayan dan IKS Setempat  
**Puan Norliyana binti Adnan**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- 4.05 petang : Pembangunan Produk Jeruju Bersama PIFWA  
**Puan Saidatul Husni binti Saidin**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- 4.25 petang : Nilai Ekonomi dan Kebergantungan Komuniti di Tanah Bencah Setiu, Terengganu  
**YBhg. Datin Daria Matthew binti Abdullah**  
**WWF-Malaysia**
- 4.45 petang : Impak Penanaman Bakau di Negeri Johor  
**Puan Mukrimah binti Abdullah**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- 5.05 petang : Sesi Soal Jawab
- 5.25 petang : Bersurai



(ii) **MAJLIS SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024**


**Tarikh** : 26 Julai 2024 (Jumaat)  
**Masa** : 9.00 pagi  
**Tempat** : Hotel Hilton Kuching, Sarawak

- 9.00 pagi : Ketibaan Dif-Dif Jemputan
- 9.15 pagi : Ketibaan  
**Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii**  
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- 9.30 pagi : Ketibaan  
**Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan**  
Timbalan Premier Sarawak
- : Nyanyian Lagu Negaraku
- : Nyanyian Lagu Ibu Pertiwi Ku
- : Bacaan Doa
- : Tayangan Video Pencapaian Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara
- : Ucapan Aluan Oleh  
**Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii**  
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- : Ucapan Perasmian Oleh  
**Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan**  
Timbalan Premier Sarawak
- : Gimik Dan Tayangan Montaj Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024
- : Pelancaran Buku *Status of Mangroves in Malaysia*
- : Penyampaian Cenderamata
- : Sesi Bergambar
- : Sidang Media dan Makan Tengah Hari
- 11.45 pagi : Majlis Bersurai



#### 4.0 AHLI JAWATANKUASA

Program ini dilaksanakan secara bersama dengan Jabatan Hutan Sarawak dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Berikut adalah jawatankuasa yang terlibat:



Rajah 1: Menunjukkan Struktur Jawatankuasa Yang Terlibat

#### 5.0 PENGANJURAN SEMINAR DAN SAMBUTAN

##### 5.1 Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut Dan Pesisiran Pantai Tahun 2024

Penganjuran Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut dan Pesisiran Pantai 2024 telah diadakan pada 25 Julai 2024 (Khamis) di Hotel Hilton Kuching, Sarawak. Seminar telah disempurnakan dengan penyampaian ucap ternaik oleh YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Penganjuran seminar adalah bersempena



dengan sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 yang diadakan pada 26 Julai 2024 (Jumaat). Seramai 194 orang peserta telah menghadiri seminar terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan projek Kajian Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai.

Sebanyak empat (4) sesi seminar telah diadakan di mana setiap sesi telah dipengerusikan oleh wakil setiap agensi. Pengerusi sesi yang telah dilantik adalah YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Dr. Wan Shukri bin Wan Ahmad, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Puan Hajah Mohizah binti Haji Mohamad, Jabatan Hutan Sarawak (JH Sarawak) dan Dr. Joseph Tengah, Jabatan Perhutanan Sabah (JP Sabah). Secara keseluruhannya, sebanyak 38 kertas kerja telah dibentangkan yang melibatkan aspek pengurusan dan penyelidikan, teknologi dan sosio-ekonomi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 kertas kerja telah dibentangkan di mana tujuh (7) kertas pembentangan oleh FRIM, dua (2) daripada NGO dan satu (1) kertas pembentangan masing-masing oleh JPSM, JH Sarawak, JP Sabah, NAHRIM, PLANMalaysia, MYSA dan JPS. Manakala sebanyak 22 poster teknikal turut dipamerkan pada hari seminar tersebut.

Semasa sesi pembentangan kertas kerja, sebanyak enam (6) soalan telah dikemukakan antaranya berkaitan dengan cadangan destinasi ekopelancongan kelip-kelip untuk tujuan eko-pelancongan, kepentingan dalam mempertimbangkan tempoh pemulihan dalam program pemuliharaan hutan paya bakau, langkah mitigasi seperti "Nature Based Solutin (NBS)" bagi kawasan yang terhakis teruk, penggunaan pemecah ombak dalam melindungi anak pokok bakau melalui kaedah penggunaan Analisa Pekali Seretan CFD dan lain-lain. Laporan terperinci penganjuran seminar adalah sepertimana pada perkara 11.0 manakala teks ucaptama bagi penganjuran seminar ini adalah seperti di **Lampiran 1**.



Gambar 1: Ucaptama Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut



Gambar 2: Peserta Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut dan Pesisiran

## 5.2 Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 telah diadakan pada 26 Julai 2024 (Jumaat) di Hotel Hilton Kuching, Sarawak. Majlis sambutan itu dirasmikan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak. Seramai 205 orang peserta telah hadir ke program sambutan hari konservasi ekosistem hutan paya laut ini. Bersempena dengan sambutan ini, turut diadakan peluncuran buku *Status of Mangroves in Malaysia*. Penganjuran kali ini merupakan sambutan kali ke-enam (6) yang diadakan di Malaysia di mana sambutan julung kalinya adalah pada tahun 2016 di Negeri Perak, kali ke-2 pada tahun 2017 di Negeri Terengganu, kali ke-3 pada tahun 2018 di Negeri Selangor, kali ke-4 pada tahun 2019 di Negeri Kedah, kali ke-5 pada tahun 2020 di Negeri Perak dan tahun 2024 di Negeri Sarawak. Teks ucapan bagi majlis sambutan ini adalah seperti di **Lampiran 2**.




Gambar 3 & 4: Ucapan Perasmian Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak dan Sesi Bergambar Semua Peserta Sambutan



Gambar 5 & 6: Gimik & Tayangan Montaj Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dan Peluncuran Buku *Status of Mangroves in Malaysia*

## 6.0 PENYERTAAN KE SEMINAR DAN SAMBUTAN

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penglibatan seramai 194 orang peserta telah menghadiri Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut dan Pesisiran Pantai 2024 manakala seramai 205 orang peserta telah menghadiri Majlis Sambutan HPL 2024. Perincian kehadiran peserta boleh dilihat atau merujuk kepada pelaporan penuh oleh Jawatankuasa Teknikal Dan Saintifik pada perkara 11.0 dan senarai kehadiran secara terperinci adalah sepertimana pada perkara 13.0.



Rajah 2: Jumlah Kehadiran bagi Majlis Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dan Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut dan Pesisiran Pantai 2024

Penyertaan ke seminar dan sambutan adalah melibatkan peserta daripada agensi-agensi Kerajaan yang dijemput di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), agensi Kerajaan, agensi swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pensyarah, pelajar serta komuniti daripada pelbagai latar belakang dan sebagainya.

## 7.0 PUBLISITI DAN HEBAHAN SERANTAU

Bagi memastikan kelancaran dan kejayaan program ini, Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam (UKKPA), JPSM telah mengurus serta menyelaraskan maklumat penganjuran seminar dan sambutan HPL untuk tujuan publisiti dan hebahan serantau. Hebahan penganjuran program telah dilaksanakan melalui beberapa platform media antaranya adalah menerusi tayangan TV1, BERNAMA TV & Radio dan *Facebook*. Sebanyak dua (2) sesi wawancara telah diadakan sebagai mempromosikan program yang diadakan iaitu:

- (i) Slot Apa Khabar Malaysia? Sambutan Hari Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024

Tarikh : 17 Julai 2024 (Rabu)

Tetamu : Encik Mohd Radhi Chu Abdullah  
Pengarah Bahagian Ladang Hutan dan  
Perlindungan Hutan

- (ii) Slot Reaksi - Sambutan Hari Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024

Tarikh : 22 Julai 2024 (Isnin)

Tetamu : Dato' Mohd Rahim bin Rani  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal)

Selain itu, beberapa maklumat penting penganjuran telah dimuatnaik dalam laman *facebook* JPSM antaranya montaj berkaitan pencapaian projek bakau, montaj pelancaran Majlis Sambutan hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dan liputan foto sepanjang Seminar Kebangsaan Hutan Paya Laut dan Pesisiran Pantai 2024. Sebanyak 22 pengamal media Sarawak telah membuat liputan semasa perasmian sambutan hari konservasi. Laporan lengkap media adalah seperti laporan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Media pada perkara 12.0.

## 8.0 KOS PENGANJURAN

Secara keseluruhannya, penganjuran bagi kedua-dua acara ini telah melibatkan kos peruntukan di bawah projek sebanyak **RM355,943.80**. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut:

- a) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sebanyak RM162,900.80 di bawah peruntukan bagi projek pembangunan Program Kajian Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara;
- b) Jabatan Hutan Sarawak sebanyak RM183,395.00 di bawah peruntukan negeri; dan
- c) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebanyak RM9,648.00.



## 9.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, penganjuran yang julung kalinya diadakan di Negeri Sarawak ini telah berjalan dengan lancar dengan sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat. Semua pihak telah memberi kerjasama dan komitmen dengan sepenuhnya bagi memastikan program dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Penganjuran ini juga secara amnya telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman daripada para penyelidik dan ilmunan dalam pengurusan hutan paya laut serta perbincangan dua hala dengan mengupas isu-isu global dan terkini yang melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan hutan paya laut dan pesisir pantai. Selain itu juga, program ini juga menjadi platform terbaik pihak Kerajaan untuk menyampaikan maklumat secara terus kepada masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan hutan paya laut dan pesisir pantai di Negara serta usaha-usaha yang telah dilaksanakan.

Kerjasama strategik ke arah usaha untuk melestarikan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan paya laut juga akan diperkukuhkan dalam mengembleng usaha dan komitmen untuk terus memelihara dan memulihara khazanah hutan yang tidak ternilai ini selari dengan kemajuan teknologi dan inovasi ke arah pencapaian sasaran pembangunan lestari (SDG). Justeru itu, program seumpama ini boleh diteruskan di masa akan datang supaya penyampaian maklumat kepada seluruh masyarakat dapat disampaikan dengan tepat dan berkesan.



## **1.0 LAPORAN OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN SAINTIFIK**



## **2.0 LAPORAN OLEH JAWATANKUASA MEDIA**



### **3.0 SENARAI KEHADIRAN SAMBUTAN HPL 2024**





#### **4.0 LAMPIRAN 1: TEKS UCAPTAMA KSU, NRES**



**5.0 LAMPIRAN 2:  
TEKS UCAPAN PERASMIAN HPL 2024**



## 6.0 BUKU SEMINAR HPL 2024



## 7.0 BUKU MAJLIS SAMBUTAN HPL 2024



## 8.0 LAPORAN BERGAMBAR



TKSU, NRES BERGAMBAR BERSAMA PEMBENTANG DAN PENERUSI SESI SATU

SEBAHAGIAN DARIPADA PESERTA



PENGARAH JPN PERAK MEMBERIKAN CENDERAMATA

LAWATAN TPS SARAWAK KE PAMERAN POSTER



BARISAN URUSETIA / AJK